

13 MAR 1999

Mahathir-Janji

MAHATHIR: BN TUNAI SEMUA JANJI, TERMASUK PENGGILIRAN KETUA MENTERI

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional (BN) akan menunaikan segala janji yang dibuat pada kempen pilihan raya Sabah termasuk meneruskan penggiliran jawatan Ketua Menteri.

Perdana Menteri berkata walaupun BN kurang satu kerusi daripada mendapat majoriti 2/3 dalam Dewan Undangan Negeri, namun yang penting kemenangan BN kali ini bukannya hasil "lompat-melompat" oleh anggota-anggota dewan sebagaimana berlaku pada pilihan raya negeri lepas.

"Kejayaan BN ini adalah kejayaan yang jelas sekali," katanya pada perbualan telefon di Sri Perdana dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Kota Kinabalu yang disiarkan secara langsung oleh RTM malam tadi.

Dr Mahathir turut berbual dengan Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaacob, selaku pengarah pilihan raya BN Sabah, dan Datuk Osu Sukam, pengerusi UMNO negeri yang menang di kawasan dewan undangan negeri Kawang.

"Kita beri pengakuan yang kita akan tunaikan janji-janji yang kita buat," katanya sambil mengingatkan calon-calon BN yang memperolehi kemenangan agar menguatkan azam untuk terus berjuang dan menunaikan janji-janji itu.

Mengenai kekalahan Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok, Perdana Menteri berkata kekalahan itu amat mengecewakannya walaupun beliau telah berusaha sedaya upaya membantunya kerana mahukan beliau terus menjadi Ketua Menteri.

"Kita mahu Tan Sri Bernard terus jadi Ketua Menteri tetapi nampaknya orang Penampang tidak mahu dia jadi Ketua Menteri," katanya. Bernard Dompok kalah di kawasan negeri Moyog (dalam kawasan Parlimen Penampang) kepada calon PBS Datuk Clarence Bongkos Malakun.

Mengenai penggiliran jawatan Ketua Menteri, Dr Mahathir berkata sistem itu akan diteruskan tetapi soal siapa yang akan menjadi Ketua Menteri seterusnya berikutan kekalahan Bernard yang mewakili kaum Kadazandusun akan diputuskan kemudian.

"Saya akan berunding dengan Tan Sri Bernard dan pemimpin-pemimpin komponen BN yang lain supaya satu keputusan yang bijak yang mengambil kira kesan daripada pemilihan pengundi di Sabah akan dibuat," katanya.

"Siapa dia yang akan menerajui kerajaan negeri Sabah akan diputuskan kemudian. Tetapi sistem penggiliran ini akan diteruskan."

Mengikut sistem penggiliran sekarang, Dompok sepatutnya menjadi Ketua Menteri selama dua tahun, sebelum jawatan itu diambilalih oleh wakil Bumiputera Islam.

Perdana Menteri berkata walaupun kekalahan Dompok, yang juga presiden PDS, dan Datuk Joseph Kurup (Presiden PBRs) amat menyedihkan, masih ada calon BN dari Kadazandusun yang memperolehi kejayaan.

Katanya ini memberi keyakinan kepada BN bahawa semakin ramai masyarakat Kadazandusun menerima dasar BN dan lebih ramai calon BN daripada masyarakat itu dijangka memperolehi kejayaan pada pilihan raya negeri pada masa akan datang.

Dr Mahathir berharap Dompok dan Kurup tidak akan kecewa dengan kekalahan mereka, sebaliknya akan terus berjuang dan berkhidmat demi kemajuan negeri Sabah khususnya dan negara amnya.

Mengenai corak pemilihan oleh pengundi Sabah, beliau berkata sentimen memilih mengikut lambang parti dan individu masih mempengaruhi memilih

negeri itu dengan tidak memberi pertimbangan kepada pembangunan.

Dr Mahathir berkata sentimen mengikat diri kepada individu atau lambang yang mereka sokong mengakibatkan kempen BN mengenai pembangunan tidak berkesan.

Perdana Menteri mengakhiri perbualan itu dengan mengucapkan tahniah kepada calon-calon BN yang menang dan meminta Abdullah menyampaikan salam beliau kepada calon-calon BN yang tewas.

"Walaupun kejayaan ini tidak mencapai majoriti dua pertiga, kemenangan ini adalah tepat sekali. Usaha mereka selama ini telah berhasil," katanya.

-- BERNAMA

AHH NMO